

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.6

PENGGUNAAN KRITERIA BAHARU *IMKANUR RUKYAH* BAGI PENENTUAN AWAL BULAN HIJRIAH DALAM KALENDAR HIJRAH DI MALAYSIA

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443 bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-119 berkenaan Penggunaan Kriteria Baharu *Imkanur Rukyah* Bagi Penentuan Awal Bulan Hijriah Dalam Kalendar Hijrah Di Malaysia berpandangan seperti berikut:

Perubahan nilai Kriteria *Imkanur Rukyah* (KIR) yang baharu iaitu ketika matahari terbenam ketinggian bulan tidak kurang dari 3° dan jarak lengkung Bulan Matahari (elongasi) tidak kurang dari 6.4° dan bersetuju untuk pelaksanaannya pada tahun 2021M (1443H) selaras dengan keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) MABIMS Kali ke-44.

Tarikh : 25 April 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (61)

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak

